

09 AUG 1998

Pengguna-Saranan

DUA PERSATUAN PENGGUNA SAMBUT BAIK SARANAN MAHATHIR

KOTA BAHARU, 9 Ogos (Bernama) -- Dua persatuan pengguna di negeri ini hari ini menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu wanita di negara ini menggadai barang kemas di luar negara dan membawa pulang wang berkenaan bagi membantu pemulihan ekonomi negara.

Yang Dipertua Persatuan Pengguna Kelantan (KCA), Yusof Ahmad berkata, langkah berkenaan boleh membantu menggerakkan kegiatan ekonomi dengan lebih pesat dan satu saranan yang praktikal.

"Saya rasa wanita Kelantan yang terkenal mempunyai banyak barang kemas boleh membantu usaha kerajaan ini," katanya ketika dihubungi di sini.

Katanya, golongan wanita yang mempunyai banyak barang kemas berlebihan patut menggadai barang kemas di luar negara kerana ia menggambarkan semangat patriotisme yang tinggi.

Yusof berharap semua pihak tidak menyalahafsir apa yang dikemukakan oleh Dr Mahathir itu demi pemulihan semula ekonomi negara.

Sementara itu Timbalan Presiden Persatuan Pelindung Pengguna Kelantan (Pelindung), Ahmad Othman berkata, wanita terutamanya di negeri ini harus bersedia untuk menyahut cabaran itu.

Ahmad berkata, tindakan itu adalah langkah terbaik dalam usaha memastikan pemulihan ekonomi negara berjalan lancar.

Dr Mahathir semalam meminta wanita Malaysia supaya menggadaikan barang kemas mereka di luar negara buat sementara waktu dan membawa pulang wang berkenaan bagi membiayai aktiviti ekonomi negara.

Menurut Dr Mahathir, dana yang terkumpul itu boleh dipinjamkan bagi membantu membiayai usahawan menjalankan perniagaan, sekali gus memulihkan ekonomi negara.

-- BERNAMA

ZI oba